

20 MAY 2003

MCA-Ling/I

DR LING BAYANGKAN KEMUNGKINAN UNTUK BERSARA

IPOH, 20 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini memberitahu satu rombongan MCA Perak tentang kemungkinan beliau melepaskan jawatan dalam beberapa hari lagi.

"Beliau tidak menyatakannya secara terus terang (yang beliau akan bersara) tetapi membayangkan dengan tegas yang beliau akan bersara. Kami meminta beliau menimbangnya semula tetapi Dr Ling berkata beliau boleh dikatakan sudah membuat keputusan mengenainya," kata pengerusi MCA Perak Datuk Ong Ka Chuan semasa dihubungi Bernama.

Ong, yang mengetuai rombongan 18 orang itu menemui Ling yang juga Presiden MCA, di Kementerian Pengangkutan di Putrajaya.

Bagaimanapun, katanya, Dr Ling tidak menjelaskan sama ada beliau akan melepaskan jawatan menteri atau presiden parti, atau kedua-duanya.

Dr Ling memberitahu rombongan itu bahawa "beberapa perkara penting" akan berlaku pada mesyuarat tergepar jawatankuasa kerja pusat MCA di Kuala Lumpur Jumaat ini.

Sabtu lepas, Dr Ling enggan mengulas spekulasi kononnya pelan damai yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas bagi menyelesaikan isu perebutan kuasa antara dua kumpulan dalam parti itu telah disambung semula.

Dr Ling juga enggan mengulas apabila ditanya sama ada beliau dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek telah mengadakan pertemuan berasingan dengan Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), minggu lepas.

Bagaimanapun, presiden MCA itu berkata beliau sedia mengambil bahagian dan menyumbang kepada sebarang pelan damai yang memberi faedah kepada semua pihak.

Pada 23 Mei, 2000, Dr Ling membuat kejutan apabila mengumumkan beliau telah meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan, sebelum menarik balik keputusan itu dua minggu kemudian setelah dipujuk oleh anggota parti.

Awal tahun ini pula, beliau mengumumkan telah menghantar sepucuk surat peletakan jawatan tidak bertarikh kepada Perdana Menteri pada Ogos tahun lepas.

Hasil daripada pelan damai itu, Team A yang dipimpin oleh Dr Ling dan Team B yang diketuai Lim, mencapai persetujuan agar tiada pertandingan diadakan pada pemilihan parti itu tahun lepas, menyebabkan penyandang jawatan di peringkat bahagian dan pusat mengekalkan jawatan masing-masing sehingga 2005.

Bagaimanapun, pelan itu gagal menyelesaikan sengketa dalaman yang melanda MCA disebabkan oleh beberapa isu, terutama soal siapakah yang akan menjadi pengganti bagi penyandang dua jawatan tertinggi dalam parti itu.

Ong berkata Dr Ling memberitahu rombongannya bahawa sudah tiba masanya bagi pemimpin lebih muda mengambil alih kepimpinan parti tetapi tidak pula menyatakan secara terperinci mengenainya atau menjelaskan sama ada keputusan itu dibuat hasil daripada rundingan damai yang telah diadakan.

"Dr Ling berkata ia merupakan keputusan peribadi beliau. Tiada siapa yang membuat atau mempengaruhi keputusannya, ia benar-benar keputusan beliau sendiri," katanya.

Ong berkata MCA Perak telah merayu kepada Dr Ling supaya terus memimpin parti itu sehingga berakhir tempoh beliau memegang jawatan pada 2005 kerana kepimpinan beliau masih diperlukan dan masanya tidak sesuai kerana pilihan raya umum dijangka diadakan sebelum penggal parlimen sekarang berakhir tahun depan.

"Bagaimanapun, dalam ucapannya, Dr Ling berkata beliau ingin memberi ruang kepada pemimpin muda untuk mengambil alih. Dr Ling berkata beliau telah melakukan segala yang mungkin untuk parti dan masyarakat Cina serta ikhlas dalam membuat keputusan itu," katanya.

Katanya Dr Ling menganggap penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), yang mula beroperasi tahun lepas, sebagai pencapaian terbesar beliau.

Ong berkata beliau mengatur pertemuan dengan Dr Ling itu setelah banyak anggota parti peringkat akar umbi bertanyakan beliau tentang spekulasi berhubung kedudukan Presiden MCA itu.

"Amat sukar bagi saya menjelaskan kedudukan sebenar. Jadi, saya rasa paling baik jika para pemimpin bahagian bertemu dan meminta presiden menjelaskannya sendiri," katanya.

Ong berkata para pemimpin MCA negeri masih berharap Dr Ling akan mengubah fikirannya dan terus memegang jawatan sehingga 2005 walaupun Dr Ling kelihatan tegas mengenainya.

Beliau berkata Dr Ling, yang pernah mengetuai MCA Perak pada 1995, turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kedudukan parti di peringkat negeri itu sehingga membolehkan ia memenangi 13 kerusi negeri dan tujuh kerusi parlimen pada pilihan raya umum tahun berkenaan berbanding hanya tiga kerusi negeri dan tiga kerusi parlimen pada pilihan raya umum 1985 dan 1990.

-- BERNAMA

AR SP MAI